

BAB DUA

DOKTRIN *NUR MUHAMMAD*

BAB DUA

DOKTRIN *NŪR MUHAMMAD*

2.0 Pengenalan

Pemahaman terhadap pengertian sebenar doktrin *Nūr Muḥammad* amat penting di dalam membincarkan tajuk kajian ini. Justeru itu, dalam bab dua ini, penulis cuba memperincikan pengertian doktrin ini sama ada dari sudut bahasa pada penggunaannya yang biasa mahupun dari sudut tasawuf yang dijadikan titik permulaan timbulnya doktrin *Nūr Muḥammad*.

Di samping itu dalam bab ini juga, penulis membincangkan beberapa aspek ajaran dan doktrin-doktrin yang lain yang mempunyai perkaitan dan hubungan dengan doktrin *Nūr Muḥammad* untuk dijadikan sebagai suatu subjek perbandingan. Di antaranya ialah ajaran Martabat Tujuh, Teori Insan Kamil, ajaran *Syi'ah*, ajaran *Wahdah al-Wujūd* dan teori falsafah *Neo-Platonisme*.

Turut dibincangkan dalam bab ini ialah penciptaan makhluk dan manusia pertama sepertimana di dalam al-Qur'an dan al-Hadith bagi menjawab beberapa kekeliruan dan kekaburuan yang timbul dalam kepercayaan masyarakat terhadap doktrin *Nūr Muḥammad*.

2.1 Pengertian *Nūr Muḥammad*

Nūr Muḥammad adalah gabungan daripada dua kalimah Arab iaitu *Nūr* dan *Muḥammad*. Gabungan dua kalimah tersebut membawa pengertian dan maksud tertentu bergantung kepada sudut ia diperbincangkan. Ia boleh ditinjau dari sudut-sudut berikut :

2.1.1. Bahasa.

Nūr bererti sesuatu yang berupa cahaya yang menyinari sesuatu objek sehingga objek itu nampak jelas dan nyata. *Nūr* adalah alat yang menjadikan penglihatan mencapai maknanya. Kata *jama'nya* (*plural*) adalah *anwār*. Perkataan berlawanan bagi *Nūr* adalah *zulmat* yang bermaksud gelap yang menghalang sesuatu daripada nampak.

Cahaya bermaksud benda yang terang yang memancar daripada matahari, bulan, lampu dan lain-lain⁸⁰. Manakala menurut A.S. Hornby, cahaya adalah “opposite of darkness, that which makes things visible”⁸¹. Menurut Ibrāhīm Anīs dalam *al-Mu'jam al-Wasīt* dan *al-Qurṭubī* di dalam tafsirnya, *Nūr* bermaksud cahaya yang menyebabkan mata dapat melihat.⁸²

⁸⁰ Kamus Dewan Edisi Baru (1989), *op.cit.*, h.186.

⁸¹ A.S.Hornby (1974), *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*, Oxford University Press, h. 489.

⁸² Ibrāhīm Anīs (t.t.), *al-Mu'jam al-Wasīt*, Dār al-Da'wah, h. 961-962. Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1988), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, jil. 12, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 169.

Manakala menurut Ibn Manzūr, *Nūr* adalah sesuatu yang dapat melihat oleh orang yang buta dan mendapat petunjuk orang yang sesat.⁸³ Menurut al-Tabāṭaba'i, pengertian awal bagi perkataan *Nūr* ialah sesuatu yang nampak dengan sendirinya. Ia juga menyebabkan sesuatu yang dilihat dengan pancaindera menjadi nampak⁸⁴.

Kemudian pengertian ini semakin berkembang luas iaitu setiap alat indera dianggap sebagai *Nūr* atau mempunyai *Nūr*. Lantas sesuatu yang bersifat sensual (dapat dicerap oleh pancaindera) dapat dilihat dengan menggunakannya.

Selanjutnya pengertian ini terus berkembang sehingga mencakupi perkara yang *nonsensual* (tidak dapat dicerap oleh pancaindera), termasuk akal juga dikatakan sebagai *Nūr* kerana ia dapat menyingkap hal-hal yang abstrak.⁸⁵

Perkataan *Muhammad* atau *Aḥmad* adalah diantara nama-nama bagi Nabi Muhammad (S.A.W.) bermaksud yang memiliki banyak sifat terpuji.⁸⁶ Dalam konteks ini, ia merujuk kepada sebuah peribadi unggul dan insan yang sempurna iaitu Rasulullah S.A.W. Baginda adalah rasul pilihan Allah dan merupakan rasul dan nabi terakhir yang diutuskan kepada sekalian umat manusia supaya hidup berpandukan al-Qur'an, wahyu Allah S.W.T.

⁸³ Muḥammad Ibn Mukram Ibn Manzūr (1990), *Lisān al-'Arab*, Beirut : Dār Ṣādir, jil.5, h. 240.

⁸⁴ Al-Tabāṭaba'i, Muḥammad Ḥusin (1972), *al-Mīzan fi Tafsīr al-Qur'ān*, jil. 15, c. 2. Kaherah: Maktabah Ismā'iliyyah, h. 122

⁸⁵ Ensiklopedi Islam 4 ((1994), *op.cit.*, h. 45.

⁸⁶ Ibn Manzur, *op. cit.*, jil. 3, h.157.

2.1.2 Istilah

a. Al-Qur'an.

Nūr adalah satu nama diantara nama-nama bagi Allah S.W.T.⁸⁷ Ia disebut sebanyak 43 kali di dalam al-Qur'an,⁸⁸ antaranya dalam Surah *al-Nūr*. Firman-Nya:

﴿اللَّهُ نُورٌ لِّلْسَمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مَثَلُ نُورِهِ كَمِشْكَوَةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ
الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ أَلْرَجَاجَةُ كَانَهَا كَوْكَبٌ دُرْيٌ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ
مُبْرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرِقَيَّةٍ وَلَا غَرْبَيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضْسِهُ وَلَوْ
لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَقْاءِمُ وَيَضْرِبُ
اللَّهُ الْأَمْثَلُ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾
(24)

Maksudnya :

“ Allah adalah cahaya langit dan bumi. Perbandingan cahaya-Nya laksana misykat (sebuah lubang dinding yang tumpat), yang berisi sebuah lampu yang amat terang di dalam sebuah kaca dan kaca itu bersinar laksana bintang mutiara, ia dinyalakan dengan minyak dari satu pokok yang amat berkat, iaitu pokok zaitun yang tumbuh tidak di sebelah Timur dan tidak pula di sebelah Barat. Minyaknya sahaja hampir-hampir memancarkan cahaya yang terang walaupun belum disentuh api. Iaitu cahaya yang berlapis cahaya. Allah menunjukkan kepada cahaya-Nya siapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Dan Allah membuat perbandingan-perbandingan kepada manusia dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”

Surah *al-Nūr* (24):35.

⁸⁷ *Ibid*, j. 5, h. 240.

⁸⁸ Muhammed Fu'ad. Abd al-Baqi (1987), *al-Mu'jam al-Mufahris li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*, Kaherah: Dār al-Hadīth, h. 895.

Dan firman-Nya :

وَمَنْ لَمْ يَجْعَلِ اللَّهَ لَهُ ثُورًا فَمَا لَهُ وَمِنْ ثُورٍ

Maksudnya :

“Dan (ingatlah) sesiapa yang tidak dijadikan Allah menurut undang-undang peraturan-Nya mendapat cahaya (hidayah petunjuk) maka dia tidak akan beroleh sebarang cahaya (yang akan memandunya ke jalan yang benar).”

Surah *al-Nūr* (24) : 40.

Dan firman-Nya :

قَدْ جَاءَكُم مِّنَ اللَّهِ ثُورٌ وَكَتَبَ مُبِينٌ

Maksudnya :

“ Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah dan sebuah kitab (al-Qur'an) yang jelas nyata kebenarannya.”

Surah *al-Mā'idah* (5) : 15.

Manakala perkataan *Muhammad* disebut sebanyak 4 kali di dalam al-Qur'an. Antaranya, firman Allah S.W.T.:

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ

Maksudnya :

“Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapa dari seorang lelaki di kalangan kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup nabi-nabi ”.

Surah *al-Ahzāb*(21) : 40

Di dalam surah *Al-'Imrān* Allah berfirman :

وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَقْتِ مِنْ قَبْلِهِ أَلْرَءِيلُ

Maksudnya :

Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang rasul (yang telah mati atau terbunuh).

Surah *Al-'Imrān* (3): 144.

b. Al-Hadith

Manakala hadith-hadith yang menyebut tentang *Nūr* pula lebih banyak lagi daripada apa yang disebutkan di dalam al-Qur'an. Di dalam al-Qur'an, *Nūr* disebut secara umum, namun di dalam hadith didapati perkataan *Nūr* seringkali disebut secara khusus, merujuk kepada Nabi Muhammad dan asal kejadian baginda sendiri. Walau bagaimanapun, kebanyakannya ulama hadith berpendapat bahawa hadith-hadith tersebut kebanyakannya adalah direka dan dusta.

Hadith Pertama

Di antara hadith yang paling masyhur di kalangan pendokong doktrin *Nūr Muhammad* ialah sebuah hadith yang dikatakan diriwayatkan oleh seorang sahabat nabi bernama Jābir bin 'Abd Allāh r.a. Sabda Nabi S.A.W.:

أول ما خلق الله نورٌ نبيك يا جابر ... الحديث

Maksudnya :

Mula sesuatu yang dijadikan Allah ialah *Nūr* Nabimu wahai Jābir ...⁸⁹

⁸⁹ Syeikh Ismā'īl bin Muhammad al-'Ajlūnī al-Jarrāḥī (1996), *Kasyf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās*, jil. 1, c. 6. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 311. Lihat lampiran D.

Hadith Kedua

خلقت أنا وعلي من نور وكنا على يمين العرش ، قبل أن يخلق الله آدم بالفِي
عام ثم خلق الله آدم فانقلبنا في أصلاب الرجال ثم جعلنا في صلب عبد المطلب
ثم اشتق أسماءنا من اسمه فالله محمود وأنا محمد والله الأعلى وعلى علي .

Maksudnya :

Aku dan Ali telah diciptakan daripada Nûr, dan adalah (kedudukan) kami diletakkan di kanan ‘Arsy, 2000 tahun sebelum lagi Allah menciptakan Nabi Adam, kemudian (baru) Allah menciptakan Adam. Maka berpindah-pindahlah kami dalam tulang-tulang sulbi beberapa orang lelaki. Kemudian kami diletakkan dalam tulang sulbi ‘Abd al-Muṭṭalib. Kemudian nama-nama kami dikurniakan daripada nama-nama-Nya. Allah bernama Maḥmūd (Yang Maha Disanjung Dengan Segala Kepujian) sedang saya dinamakan Muḥammad (Yang terpuji). Dan Allah itu bernama al-A’lā (Yang Maha Tinggi), sedang ‘Alī (Yang Tinggi) diberi nama kepada Ali.⁹⁰

Hadis Ketiga

Ibn ‘Abbâs meriwayatkan sebuah hadith mengenai doa Nabi S.A.W. apabila baginda bangun di tengah malam untuk menunaikan solat tahajjud. Baginda berdoa:⁹¹

اللَّهُمَّ اجْعِلْنِي لُورًا وَلَا يَبْصِرِنِي لُورًا وَلِي سَمْعِي لُورًا وَلَعْنَ يَمِينِي لُورًا
وَلَعْنَ يَسَارِي لُورًا وَفُوقِي لُورًا وَتَحْتِي لُورًا وَأَمَامِي لُورًا وَخَلْفِي لُورًا وَاجْعِلْ لِي
لُورًا

⁹⁰ Menurut Ibn al-Jawzî dan al-Sayûti, hadith ini adalah mawdû‘. Ia telah direka oleh Ja‘far bin Ahmad bin ‘Ali al-Ghâfiqi, seorang dari golongan Râfidah. Lihat Abû al-Farj ‘Abd al-Rahmân ‘Ali Ibn al-Jawzî (1995), *al-Mawdû‘ât*, jil. 1, Beirut: Dâr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 340. Lihat juga Jalâl al-Dîn ‘Abd al-Rahmân al-Sayûti (t.t), *al-Lâl al-Masâghah fî al-Âhâdîth al-Mawdû‘ah*, jil. 1, c. 1. Kaherah: al-Maktabah al-Ḥusayniyyah al-Maṣriyyah, hal. 320.

⁹¹ Ahmâd bin ‘Ali bin Ḥajar al-‘Asqalâni (Ibn Ḥajar)(1986), *Fath al-Bârî Bî Syârî Sahîh al-Bukhârî*, Kitâb al-Dâ’awât, Bâb al-Do’â’ Idhâ Intâbahâ min al-Layl, no. hadith 6316, jil. 11, Kaherah: Dâr al-Rayyân li al-Turâth, h. 119-120.

Maksudnya:

Ya Allah jadikanlah di dalam hatiku *nūr*, dan pada penglihatanku *nūr*, dan pada pendengaranku *nūr*, pada sebelah kananku *nūr*, pada sebelah kiriku *nūr*, pada sebelah atasku *nūr*, pada sebelah bawahku *nūr*, pada sebelah belakangku *nūr*, dan jadikanlah aku sebagai *nūr*.

Dalam satu riwayat lain, baginda berdoa;

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ ... الحَدِيثُ

Maksudnya :

Ya Allah segala puji-pujian hanya untukMu, Engkau adalah *Nūr* di langit dan di bumi dan kepada sesiapa yang berada di kedua-duanya ...⁹²

Menurut al-Qurtubī, *Nūr* yang dipohon oleh Rasulullah di dalam doa tersebut mungkin boleh dertiakan dengan cahaya secara zahir iaitu nabi memohon supaya Allah menjadikan bagi setiap anggotanya cahaya yang akan meneranginya di hari akhirat nanti. Tetapi pengertian yang lebih utama ialah *Nūr* itu sebagai perumpamaan bagi ilmu dan hidayat.⁹³

Hadith Keempat

Abū al-Hasan ‘Alī bin Muḥammad (Ibn al-Maghāzīlī al-Wāsītī al-Syāfi‘ī), meriwayatkan sebuah hadith daripada Salmān al-Fārisī, bahawa nabi S.A.W. bersabda :⁹⁴

⁹² *Ibid.*

⁹³ *Ibid.*, h. 122

⁹⁴ Sulaymān Ibn Ibrāhīm, *Yanābi‘ al-Mawaddah*, Beirut : Mu’assasah al-A‘lamī , jil. 1, h. 10

كَتَنَا وَعَلَى نُورًا بَيْنَ يَدِيِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ يَسِيحَ اللَّهُ ذَلِكَ النُّورُ وَيَقُولُ
قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ اللَّهُ آدَمَ بِأَرْبَعَةِ عَشَرَ أَلْفَ عَامٍ ، فَلَمَّا خَلَقَ آدَمَ أَوْدَعَ ذَلِكَ
النُّورَ فِي صَلْبِهِ . فَلَمْ يَزِلْ أَنَا وَعَلَى شَيْءٍ وَاحِدٌ حَقَّ الْفَرْقَانِ فِي صَلْبِ
عَبْدِ الْمُطَلَّبِ ، فِي النَّبُوَّةِ وَفِي عَلَى الْإِمَامَةِ⁹⁵

Maksudnya :

Aku dan Ali adalah satu cahaya di hadapan Allah S.W.T. Cahaya itu bertasbih dan mensucikan Allah sebelum lagi Allah menciptakan Adam 14,000 tahun. Apabila Allah menciptakan Adam, cahaya itu berpindah ke sulbinya. Maka sentiasalah Aku dan Ali bersatu sehingga kami berpisah di dalam sulbi 'Abd al-Muttalib. Maka cahaya yang ada padaku menjadikan aku seorang nabi manakala cahaya yang ada pada Ali menjadikannya seorang pemimpin.⁹⁵

2.1.3. Pandangan Aliran Mazhab.

Apabila dibuat kajian secara mendalam, dapat diperoleh bahawa doktrin *Nur Muhammad* sebenarnya bukanlah suatu yang baru. Ia mempunyai persamaan dengan beberapa teori falsafah mahupun ketuhanan dan juga mazhab-mazhab (aliran) keagamaan. Penulis cuba ketengahkan beberapa persamaan yang didapati daripada hasil kajian.

a. Syi'ah.

Syi'ah ialah satu golongan di dalam Islam yang menyokong sayyidina Ali k.w. Mereka berpendapat bahawa Ali adalah orang yang berhak menjadi pemimpin dan pengganti nabi Muhammad S.A.W. samada melalui nas dan juga

⁹⁵ Menurut Mahmûd Syukri al-Alûsi, hadith ini adalah benar-benar *mawdû'* berdasarkan persepakatan Ahl al-Sunnah kerana salah seorang perawinya yang bernama Muhammâd bin Khalaf al-Marûzî adalah seorang peridusta. Lihat Adâb Mahmûd al-Hamsy (1987), *al-Nûr al-Muhammadi Bayn Hady al-Kitâb al-Mubîn wa Ghuluw al-Ghâlin*, Riyad: Dâr Hisân, h.33.

wasiat baginda sendiri. Seterusnya mereka meyakini bahawa kepimpinan itu mestilah dilantik dari kalangan ahli keluarga Ali k.w.⁹⁶

Dalam persoalan Nur Muhammad, fahaman *Syi'ah Ismā'īliyyah* dikatakan mempunyai pertalian dengan fahaman *Nūr Muḥammad* iaitu apabila Nabi Muhammad S.A.W. wafat, *Nūr* baginda berpindah pula kepada Sayyidina Ali dan seterusnya kepada *Imām - Imām* mereka.

Golongan *Syi'ah* menggunakan konsep ini untuk membenarkan akidah mereka terhadap doktrin *al-Imāmah* (kepimpinan), manakala sesetengah kaum sufi pula menggunakan untuk meluluskan doktrin *al-Wilāyah* (kewalian) yang mempunyai persamaan dengan doktrin *al-Imāmah* dalam mazhab *Syi'ah*.⁹⁷

Dapat diandaikan bahawa sekiranya pengaruh *Syi'ah* telah masuk ke Asia Tenggara pada abad kelapan atau sembilan Masihi, maka tidak hairanlah doktrin *Nūr Muḥammad* atau *Haqīqah Muḥammadiyyah* begitu dominan dan berpengaruh dalam pemikiran sesetengah penduduk Asia Tenggara terutama sekali di Malaysia. Oleh itu *Syi'ah Ismā'īliyyah Bātiniyyah* yang bertanggungjawab menyebarkan fahaman ini ke dalam masyarakat Melayu.⁹⁸

⁹⁶ Abū al-Faṭḥ Muḥammad ‘Abd al-Karīm Ibn Abū Bakr Aḥmad al-Syahrust ānī (1997), *al-Milal wa al-Nihāl*, Beirut : Dār al-Fikr, h.118.

⁹⁷ Abdul Hayei Abdul Syukor, “Berzanji Tidak Berfungsi Perkuahkan Iman” *Berita Minggu*, 10 November 1996, h. 18.

⁹⁸ Wan Mohd Azam Mohd Amin (Jun 1996), “Pengaruh Bātiniyyah Ismā'īliyyah Di Malaysia”, *Dakwah*, h. 21.

Asas ajaran *Bāṭiniyyah* ialah⁹⁹ : “Setiap zahir ada batin dan setiap ayat yang diturunkan (*tanzil*) ada *ta'wil*¹⁰⁰, zahir itu kulit dan batin itu isi. Apakala dapat isi maka kulit tidak berguna lagi.”¹⁰¹

Haji Ahmad Laksamana dalam ajarannya banyak memperkatakan tentang unsur-unsur *Bāṭiniyyah* ini. Dalam menafsirkan Dua Kalimah Syahadah, beliau membuat kesimpulan bahawa “ kita adalah Allah semata-mata, tiada sesuatu pada kita hanya Allah semata-mata”.¹⁰²

أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمد رسول الله

Ertinya :

“Bersaksilah aku tiada yang nyata kecuali Allah (diri batin) dan bersaksilah aku bahawa Muhammad (diri zahir) itu adalah penyata rahsia Allah (diri batin).”

Nyatalah di sini bahawa kalimah yang penting itu dilafazkan oleh kita supaya kita dapat menilik diri kita dengan mata hati bahawa akulah yang membawa rahsia Allah dan kita tilik dengan mata zahir dan batin bahawa kita adalah Allah semata-mata tiada sesuatu pada kita hanya Allah semata-mata.”¹⁰³

H.A.R. Gibb dan J.H.Kramers berpendapat, kemunculan doktrin *Nūr Muhammad* di sisi *Syī'ah* adalah lebih awal dengan membawa alasan yang rasional. Mereka membincangkan “*Nūr kenabian*” iaitu sama ada ia adalah satu

⁹⁹ Lahir di zaman al-Makmun dan berkekalan wujudnya hingga sekarang.

¹⁰⁰ Abī al-Fath Muḥammad ‘Abd al-Karīm bin Abī Bakr Ḥamad al-Syahrūstānī (1997), *al-Milal wa al-Nihāl*, Beirut : Dār al-Fikr, h. 154.

¹⁰¹ Lihat Dakwah, “Temubual wakil *Dakwah*, Mohd Shauki Abd. Majid dengan Dr. Abdul Fatah Haron”, Mac 1995, h. 11.

¹⁰² Haji Ahmad Laksamana (1985), *op. cit.*, h. 95.

¹⁰³ *Ibid.*

roh yang diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi lain atau pun benih yang diwarisi daripada seorang lelaki kepada lelaki lain¹⁰⁴.

Di kalangan *Syi'ah*, banyak hadith yang membicarakan *Nūr Muḥammad*.

Antaranya;

“Saya dan Ali diciptakan daripada satu cahaya (*nūr*)”

“Saya dan engkau (Ali) adalah diciptakan daripada *Nūr Allah S.W.T.*”

“Sesungguhnya Allah telah menciptakan para malaikat daripada cahaya muka Ali bin Abi Talib”

“Sesungguhnya Allah telah menciptakan daripada cahaya muka Ali akan 70 000 para malaikat yang memohon keampunan Allah kepada Ali dan kepada sesiapa yang mencintai beliau sehingga ke hari kiamat”

“Janganlah kamu memaki Ali kerana sesungguhnya dia bersentuh dengan zat Allah S.W.T.”

Sebenarnya, kesemua hadith ini telah dibincangkan dan dikritik oleh ulama-ulama hadith di dalam kitab mereka seperti Ibn al-Jauzi (*al-Mawdū'āt*), al-Dhahabi (*Tarhib al-Mawdū'āt*), al-'Ajluni (*Kasyf al-Khafā'*) dan ramai lagi.¹⁰⁵

b. Ahl Sunnah Wa al-Jamaah.

Al-Tustari (Sahl bin 'Abd Allāh al-Tustari) dalam tafsirnya mengatakan bahawa Allah menciptakan Nabi Adam a.s. daripada *Nūr Muḥammad* yang

¹⁰⁴ H.A.R. Gibb dan J.H. Kramers (1974), *op. cit.* h. 452.

¹⁰⁵ 'Adāb Mahmūd al-Hamsy (1987), *op.cit.*, h. 30-48.

dilahirkan daripada *Nūr* -Nya.¹⁰⁶ Menurut beliau lagi, berdasarkan kepada penciptaananya, Nabi Muhammad adalah berposisi awal (awal kejadian) dan dalam hal kenabian, dia berstatus akhir. Beliau yang batin dalam hakikat dan yang zahir dalam makrifah. Dengan kata lain, dia mengatakan daripada Muhammadlah terjemahnya Malaikat Jibrīl, Isrāfil dan lain-lain. Kemudian terjelma pula laut, bumi, bintang, matahari dan sebagainya¹⁰⁷.

c. Tasawuf.

Nūr Muḥammad merupakan suatu ajaran yang biasanya terdapat dalam aliran tasawuf. *Nūr Muḥammad* mengikut pengertian dari sudut tasawuf adalah merujuk kepada satu teori mengenai penciptaan makhluq terawal. Menurut doktrin ini, *Nūr Muḥammad* adalah makhluq terawal yang diciptakan oleh Allah mendahului segala ciptaanNya termasuk penciptaan Nabi Adam a.s. dan seluruh alam semesta. Malah kejadian Nabi Adam dikatakan berasal daripada *Nūr Muḥammad*.

Syekh Ahmad bin ‘Atā’illah di dalam karya agungnya *al-Hikam* berkata:¹⁰⁸

Nūr (anwār ; kata jama’nya - cahaya) adalah kenderaan hati (untuk menerima) rahsia-rahsia (Allah)”.

¹⁰⁶ Al-Tustārī, Sahl bin ‘Abd Allāh (1908), *Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*, Kaherah: h. 15 dan 62. Beliau ialah Abu Muhammad bin ‘Abd Allāh bin Yunus bin ‘Isā bin ‘Abd Allāh bin Rafī’, dilahirkan tahun 203H/818M di Tustar, Khuzistan dan meninggal dunia di Basrah, tahun 283H/896M. Beliau merupakan seorang ulama Usuluddin dan tasawwuf yang bermazhab Ahl Sunnah (al-Asy’ari). Lihat “Sahl al-Tustārī” dalam *The Encyclopaedia of Islam* (1995)(Edisi Baru), Leiden, E.J. Brill, jil.8, h. 840.

¹⁰⁷ Al-Tustārī (1908), *op. cit.*, h. 2-3.

¹⁰⁸ Syekh Ahmad b. ‘Atā’illah (t.t.), *al-Hikam*, H. Salim Bahreisy (terj.), Kuala Lumpur: Victory Agencie. h. 60.

Nūr Muḥammad juga disebut sebagai *Haqīqah Muḥammadiyyah*. Istilah ini digunakan oleh Ibn ‘Arabī dan para pengikutnya yang merujuk kepada kejadian makhluk pertama atau limpahan pertama dari *al-Haq*. Sebelum Ibn ‘Arabī, idea ini telah diperkenalkan oleh Plotinus dengan nama *nous*. Manakala al-Farābī dan Ibn Sina menggunakan istilah akal pertama, diikuti oleh al-Ḥallāj dengan istilah *Nūr Muḥammad* manakala Suhrawardi menggunakan istilah *Nūr Pertama*.¹⁰⁹

Menurut al-Ḥallaj, sesungguhnya *Nūr Muḥammad* telah lahir sebelum terjadinya sekalian makhluk. Daripada *Nūr* tersebutlah para nabi mengambil petunjuk serta hidayat dan para wali mengambil makrifatnya. Kalau lahir tanpa *Nūr*, alam ini pasti tidak akan wujud.¹¹⁰

Menurut Gibb dan Kramers dalam ‘*Shorter Encyclopaedia of Islam*’, *Nūr Muḥammad* diistilahkan sebagai suatu tempoh teknikal bagi roh Nabi Muḥammad S.A.W., ia adalah punca segala sesuatu yang diciptakan dalam bentuk yang padu dan bersinar. Kesemua roh adalah berasal daripadanya.¹¹¹

Beberapa istilah lain turut digunakan yang membawa maksud *Nūr Muḥammad*. Tasawuf aliran Ibn ‘Arabī menggunakan istilah *Haqīqah Muḥammadiyyah* bagi *Muḥammad* sebagai roh dan istilah-istilah yang pernah

¹⁰⁹ _____, “Nūr” dalam *The Encyclopaedia of Islam* (1995) *Ibid*, h.123.

¹¹⁰ Samīḥ ‘Āṭif al-Zīn (1985), *al-Šūfiyyah fī Naẓari al-Islam*, Beirut : Dār al-Kutub al-Lubnānī, h.324.

¹¹¹ H.A.R Gibb dan J.H.Kramers (1974), “*Nūr Muḥammad*” dalam *Shorter Encyclopaedia of Islam*, Leiden, E.J.Brill: h. 452.

digunakan, misalnya, *Haqiqah al-Haqā'iq*, *al-Khalīfah*, *al-Insān al-Kāmil*, *aṣl al-Ālam*, *Adam al-Haqīqī*, *al-Barzakh*, *Falak al-Ḥayāh*, *Ḩāq al-Makhlūq*, *al-Hayūlā*, *al-Ruh*, *al-Quṭb*, *'Abd al-Jāmi'* dan lain-lain lagi¹¹².

Manakala doktrin *Nūr Muhammad* juga terdapat dalam ajaran Ilmu Martabat Tujuh yang dikatakan hanya tersebar di Nusantara sahaja. Doktrin *wahdah al-Wujūd* ini mengemukakan teori *Tajallī Aḥadīyyah*, *Wahīdīyyah* dan *Waḥdah*.

Menurut Haji Daud bin Haji Omar, syeikh Tarekat Ahmadiyyah Bukit Abal, ajaran Martabat Tujuh adalah bertujuan untuk mengetahui silsilah kejadian alam ini untuk mengetahui siapakah yang menjadi tukang atau dalangnya dan juga dimaksudkan bagi mengetahui rantai dan supaya terbuka pintu kepada *muqarrabah ma'rifah* dan *musyāhadah* tukangnya¹¹³.

Menurut beliau lagi, hakikat kejadian *Nūr Muḥammad* itu seolah-olahnya (menyerupai) makhluk atau bangsa manusia kerana kejadian alam semesta ini dan bahagian-bahagiannya berasal daripada hakikat benih yang satu tersebut. Proses kejadian hakikat *Nūr* dalam hubungan dengan alam semesta ini sama seperti sebatang pokok kayu, yang mempunyai beberapa cawangan, bahagian-bahagian, seperti ranting, daun-daun, bunga-bunga, buah-buah dan sebagainya. Semua bahagian pokok tersebut mempunyai nama tersendiri, yang berlainan antara satu

¹¹² A.U.Afifi (1964), *The Mystical Philosophy of Muhyid Din Ibn 'Arabi*, Lahore: Ashraf, h. 66.

¹¹³ Haji Daud bin Haji Omar (t.t.), *Risalah Tasauf*, (T.T.P.), Siri 7, h. 8.

sama lain. Namun, kesemuanya berasal daripada satu sumber sahaja atau mempunyai benih yang sama. Atau dengan istilah lain, ia juga boleh dikatakan sebagai bersumberkan satu jenis, bersandar kepada yang satu atau tepatnya mempunyai hakikat yang satu sahaja, iaitu apa yang dinamakan kayu¹¹⁴.

Roh Nabi Muhammad itu, yang dikatakan tersembunyi kejadian dan namanya, telah disebut sebagai *Haqiqah Muhammadiyyah*. *Haqiqah Muhammadiyyah* ini pada tertib kejadiannya terbahagi kepada tujuh martabat, iaitu martabat; *ahadiyyah*, *wahdah*, *wahidiyyah*, *'alam arwāh*, *'alam mithāl*, *'alam ajsām* dan *'alam insān*¹¹⁵.

Syeikh Daud juga menjelaskan doktrin ini sebagaimana berikut ;

“Tiga martabat pertama, *ahadiyyah*, *wahdah* dan *wahidiyyah* bukanlah merupakan ada yang hakiki, melainkan adanya itu dari segi *i'tibārī* yang *zulmi* (gelap) dan *majāzī* (sandaran semata-mata) adanya itu kerana memandang kepada adanya Allah atau tukang dan sifat-sifat-Nya sahaja. Sedangkan maksud ada pada keempat-empat martabat berikutnya merupakan ada yang hakiki, yang boleh didapati atau dirasai dengan semua pancaindera atau dengan setengah-setengah pancaindera”¹¹⁶.

1. *Ahadiyyah*

Ibn ‘Arabi menggelarkan martabat ini العماء (awan tebal). Pada martabat ini manusia tidak mengetahui sesuatu pun tentang zat Allah, dan mereka juga

¹¹⁴ Haji Daud bin Haji Omar, *Ibid* h. 10.

¹¹⁵ Hamdan Hassan (1992), *Tarekat Ahmadiyyah Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.196.

¹¹⁶ Haji Daud bin Haji Omar, *op. cit.*, siri 8, h. 6.

tidak boleh sifatkan satu apa pun tentang zat. Manusia juga tidak boleh sifatkan satu apa pun selain daripada mengatakan ada semata-mata tanpa nama, tanpa sifat dan tanpa sandar tambahan.¹¹⁷

Hamzah Fansuri pula menggelarkannya *Lā Ta'yūn* (tiada nyata) kerana akal budi bicara manusia tiada dapat sampai ke situ (zat). Malahan, para Nabi dan wali juga hairan terhadap perkara tersebut¹¹⁸.

Pada martabat ini, alam diumpamakan seperti sehelai kertas putih, lapang dan kosong. Oleh itu, ia juga dinamakan martabat *ītlaq* kerana tiada sesuatu padanya dan martabat *lā ta'yūn* dengan sebab tiada sesuatu pun nyata.¹¹⁹

Manakala menurut al-Jīlī (M.830 H.), *ahadiyyah* adalah ibarat *tajallī dhāt* yang belum bernama mahupun bersifat dan tidak ada sesuatu apapun yang zahir selain daripada-Nya. Ia merupakan suatu nama hanya untuk zat-Nya semata.¹²⁰

2. *Wahdah*

Syeikh Daud al-Fatani berkata ;

“ dan dimisalkan pula akan martabat *wahdah* itu umpama noktah di dalam daerah yakni titik yang satu demikian rupanya. Maka noktah ini asal bagi segala huruf yakni menerima lagi

¹¹⁷ Abu al-'Ulā al-'Afīfī (1963), *al-Taṣawwuf al-Thawrah al-Rūhiyyah fī al-Islam*, Kaherah: Dār al-Ma'ārif, h. 192

¹¹⁸ S. Muhammad Naquib al-Attas (1970), *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 315.

¹¹⁹ Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (t.t.), *al-Manhāj al-Ṣāfi fī Bayān Rumuz Ahl al-Ṣūfī*, Kelantan: Pustaka Aman Press, c. 3, h. 15.

¹²⁰ Abd al-Karīm bin Ibrāhīm al-Jīlānī (al-Jīlī) (1998), *al-Insān al-Kāmil Fī Ma'rīfah al-Awākhir Wa al-Awā'il*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 47.

mengandungi segala huruf yang hendak disuratkan tetapi ijmal di dalamnya yakni berhimpun di dalam tiada ada kenyataan hurufnya".¹²¹

Wahdah ini juga dinamakan juga sebagai *Haqiqah Muhammad*. Pada tahap ini Allah S.W.T. mengetahui tentang ZatNya, sifatNya dan segala yang ada dengan cara ijmal tanpa boleh dibezakan antara satu sama lain. Pada martabat ini juga lahirnya *tajalli* Allah dalam segala nama dan segala sifat. Segala sifat dan *asmā'* dengan ijmal ini berhimpun pada Muhammad dan alam semesta seluruhnya adalah berasal daripada *Nur Muhammad*. Dalam perkara ini, al-Banjari memetik satu hadith Nabi:¹²²

أول ما خلق الله نور نبيك يا جابر

Maksudnya :

“ Mula pertama yang Allah jadikan adalah *Nur Nabimu*, hai Jābir.”

Martabat ini juga dinamakan *Ta'ayyun Awwāl* (nyata yang pertama), *Syu'ūn al-Dhāt* (Pekerjaan zat), *Haqiqah Muhammad*, *Syuhūd al-Wahdah fi al-Kathrah* (memandang yang satu dalam yang banyak atau memandang bahawa Allah S.W.T. itu wujud di dalam sekalian kewujudan) dan martabat *A'yān Thābitah*.¹²³

¹²¹ al-Fatani, *op.cit.*, h. 15.

¹²² Muhammad Nafis bin Idris al-Banjari (t.t.), *al-Durr al-Nafis*, Pulau Pinang: Dār al-Ma'ārif, h. 21-22. Hadith ini adalah hadith *maudī*. Lihat Sayid Sābiq (1992), *al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*, Kaherah: al-Fath li al-I'lāmī al-'Arabi, h. 48. Abdul fatah Haron Ibrahim (1998), *Martabat Tujuh* Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 4.

¹²³ Muhyuddin Muhammad Ghazali bin Haji Abdullah (1979), *Risalah Mengenal Diri Mengenal Allah*, Percetakan al-Ahliyah, h. 6.

3. Wahidiyah

Ia juga dinamakan sebagai *Haqiqah Insān*. Pengertian martabat ini ialah Allah sedia mengetahui tentang ilmu dengan zatNya, segala sifatNya dan segala yang ada dengan cara yang terperinci dan mampu pula membezakan dengan setengah yang lain.¹²⁴ Martabat ini diumpamakan sebagai *alif* yang terhasil daripada noktah. Oleh itu ia dinamakan *ta'ayyun thāni* atau nyata yang kedua. Ini disebabkan noktah itu adalah nyata yang pertama (*ta'ayyun awwāl*) manakala *alif* pula adalah nyata yang kedua (*ta'ayyun thāni*).¹²⁵

Menurut golongan tasawuf, martabat *ahadiyyah*, *wahdah* dan *wahidiyyah* adalah *qadim* dan *azali* kerana ia merupakan martabat yang disandarkan kepada ketuhanan disebabkan tidak ada kemajuan ketika itu melainkan hanya Allah dan sifat-sifat-Nya sahaja. Manakala semua makhluk yang wujud dalam ilmu Allah belum lagi wujud pada alam nyata (*wujūd khārijiy*).¹²⁶

4. 'Alām Arwāh

Apa yang dimaksudkan pada martabat ini ialah mengeluarkan atau menampakkan kejadian Nabi Muhammad, yang pada tingkat martabat sebelumnya, yang hanya ada pada iktibar kandungan sifat-sifat Allah, yang

¹²⁴ Al-Banjari, *op. cit.*, h. 23.

¹²⁵ Al-Fatani, *op. cit.*, h. 15.

¹²⁶ Abdul Samad al-Falembani (t.t.), *Siyār al-Sālikīn*, Singapura: Pustaka National, Jil. 4, h. 105.

bekerja terhadap apa yang dibuat-Nya. Kejadian Nabi Muhammad pada peringkat ini merupakan wujud hakiki. Dengan kata lain, dijadikan *Haqiqah Muhammadiyyah* itu daripada tidak ada menjadi ada, sehingga boleh didapati dengan pancaindera. *Haqiqah Muhammadiyyah* atau kejadian Nabi Muhammad ini, meskipun satu, ia mengandungi beberapa cabang yang tidak terhingga banyaknya, yang akan diasingkan dan dipisahkan di antara satu sama lain pada martabat *'ālam mithāl*. Maka dari kejadian roh yang satu, wujud roh yang banyak. Oleh kerana itu, doktrin ini disebut dengan istilah *arwāh*, ertiannya banyak roh.¹²⁷

5. *'Ālam Mithāl*

Menurut sebuah manuskrip mengenai ajaran Martabat Tujuh yang didekahkan oleh Abdul Fatah Haron, *'ālam mithāl* bermaksud :

“ Yakni kalbu sanubari yang bererti tempat hati. Maka inilah alam segala arwah rupa namanya iaitu daripada kehendak Allah S.W.T. yang rapat terus daripada segala suku yang halus dan tiada menerima suku ertiannya tiadalah menerima akan tengahnya dan tiadalah menerima berciri setengahnya daripada setengahnya dan tiadalah menerima akan tebusan dan tiada menerima “zakat” kerana halus.”¹²⁸

Asal roh itu satu, tetapi apabila setiap (individu) ada rupa masing-masing yang berbeza-beza, ia dinamakan *'Ālam Mithāl*. *Ālam Roh* (martabat keempat seperti yang tersebut di atas) adalah seperti laut dan *'Ālam Mithāl* seperti ombak, dengan setiap ombak mempunyai rupa yang berbeza-beza, tetapi asalnya satu iaitu

¹²⁷ Haji Daud bin Haji Omar, siri 8 *op.cit.*, h. 4 dan 7.

¹²⁸ Abdul Fatah Haron Ibrahim (1994), *op.cit.*, h. 20.

laut. ‘*Ālam Arwāh* dan ‘*Ālam Mithāl* hanya dapat ditanggapi dengan hati dan bukannya dengan pancaindera. Dua alam ini turut dinamakan sebagai ‘*Ālam Malakūt* dan ‘*Ālam Ghayb*. Melalui dua alam ini, seseorang itu dikatakan boleh sampai kepada tiga yang *Qadīm* iaitu *Wahidiyyah*, *Wahdah* dan *Aḥadiyyah* seterusnya kepada Allah.¹²⁹

6. ‘*Ālam Ajṣām*

Disebut juga sebagai ‘*Ālam Syahādah* yang bermaksud alam yang boleh dipandang. Ia adalah gabungan daripada empat unsur iaitu air, tanah, udara dan api. Zahirlah daripada unsur-unsur tadi, lima perkara pula iaitu batu (*al-jamādāt*), tumbuh-tumbuhan (*al-nabātāt*), haiwan (*al-hayawān*), manusia (*al-ins*) dan jin (*al-jin*).¹³⁰

Ajaran Martabat Tujuh menganggap yang bernyawa seperti haiwan, manusia, malaikat dan jin hanyalah wadah atau sarang bagi roh pada peringkat ‘*Ālam Mithāl*. Walau bagaimanapun, pada martabat ini hanya dibicarakan mengenai jenis manusia sahaja kerana apa yang menjadi fokus utama ajaran ini adalah teori mengenai roh-roh manusia.¹³¹

7. ‘*Ālam Insān*

Menurut fahaman Tarekat Ahmadiyah Bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan, kejadian Nabi Muhammad disebut sebagai *al-insān al-kamil*, kerana kejadian

¹²⁹ Al-Palembani, *op.cit.*, h. 106.

¹³⁰ Abdul Fatah Haron Ibrahim (1994), *op. cit.*, h. 24.

¹³¹ Wadah atau sarang di sini ialah dari jenis yang hidup (bernyawa) sahaja. Lihat Hamdan Hassan (1992) *op. cit.*, h. 200.

manusia pada martabat ini cukup sempurna dan terkumpul pada kejadian ini roh, badan, sifat-sifat yang luar dan yang dalam. Semua unsur yang di luar dan yang di dalam, ilmu dan akhlak dan sifat-sifat mulia yang lain lagi ada padanya. Semua sifat ini tidak terhimpun semuanya kepada manusia biasa, kecuali pada benih yang asli juga, iaitu Nabi Muhammad S.A.W. Oleh kerana itu beliau sudah dianggap telah mencapai martabat *akmāl al-kāmilīn* S.A.W.¹³²

Manakala menurut ajaran Haji Ahmad Laksamana, martabat ini ialah martabat *tajallī* dan martabat *jāmi'ah* yang menghimpun kesemua martabat enam terdahulu. Insan ini dikehendaki mencapai *ma'rifah* semua martabat enam yang terdahulu agar dapat menjadi *insān kāmil* iaitu *maqām* segala nabi dan wali dan *ma'rifah* yang lebih sempurna ialah Nabi Muhammad S.A.W.¹³³

Teori *insān kāmil* pula dipelopori oleh 'Abd al-Karīm al-Jīlī (1365-1417M). Menurut beliau, dari segi *syari'ah*, wujud *insān kāmil* ialah Nabi Muhammad S.A.W.¹³⁴ Manakala menurut Ibn 'Arabī, dari segi hakikat, *insān kāmil* ialah *Haqīqah Muḥammadiyyah*.¹³⁵

Menurut pandangan *insān kāmil*, Allah itu bukanlah terlindung kepada makhluk, dan makhluk itu bukanlah terlindung kepada Allah. Kedua-dua pihak boleh dilihat. *Insān kāmil* ialah orang yang telah menjalankan *suluknya*

¹³² Haji Daud bin Haji Omar, *op. cit.*, h. 5.

¹³³ Haji Ahmad Laksamana (1985), *Hakikat Insan*, Kota Bharu.

¹³⁴ Al-Jīlī (1998), *op.cit.*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 47.

¹³⁵ A. J. Arberry (1950), *Sufism : An Account of the Mystics of Islam*, London: George Allen & Unwin Ltd., h. 101.

(pengembaraannya) dalam Allah (*sayr fi Allāh*) dan dengan Allah (*sayr ma'a Allāh*), dan sampai ke peringkat hakikat Muhammad. Peringkat ini ialah قاب (Qab).

فُوسِينْ أَوْ أَدْنِي (Surah *al-Najm* (53): 9) iaitu peringkat di mana dua hujung busur panah bertemu dan lebih dekat lagi. Dia menjadi paksi (*axis*) yang dikelilingi seluruh wujud berputar dan menyinari hati makhluk-makhluk yang lain. Sebenarnya dia (*sālik* - orang yang mengembara) itu pola atau bentuk hakikat Muhammad secara langsung, dan manusia yang lain itu adalah pola atau salinan tidak langsung darinya.¹³⁶

Pada *insān kāmil* inilah tersimpulnya atau terkumpulnya semua yang terzahir dalam alam semesta raya ini. Alam semesta raya ini digelar oleh orang-orang sufi sebagai Manusia Besar (*al-Insān al-Kabīr*). Alam raya ini mempunyai kuasa iaitu Malaikat; dan Rohnya ialah Manusia. Manusia Sempurna itu digelar juga sebagai Alam Kecil (microcosm). Manusia Sempurna itu adalah salinan daripada *Insān Kabīr* itu.¹³⁷

Seterusnya Ibn 'Arabi berpendapat *insān kāmil* sebagai penyebab terjadinya alam ini. Ini kerana pada *insān kāmil* itu saja tujuan kejadian makhluk itu diketahui. Jika tidaklah kerana *insān kāmil* maka makhluk tidak ada gunanya kerana Allah tidak akan dikenali. Oleh itu, demi *insān kāmil* itulah seluruh makhluk itu dijadikan, iaitu Allah menzahirkan Diri-Nya dalam alam dan dalam

¹³⁶ K. S. Khaja Khan (1989), *Serba Ringkas Berkenaan tasawuf*. Abdul Majid bin Haji Khatib (terj.), Pustaka Aman Press, h. 87.

¹³⁷ Abdul Majid Haji Khatib (1987), *Risalah Sufisme Ibnu'l Arabi*, Thinker's Library, h. 33.

insān kāmil.¹³⁸ *Maqām baqā'* bi Allāh adalah *maqām* yang tertinggi berbanding keseluruhan *maqām*. Dan *maqām* ini digelar *maqām "al-insān al-kāmil"*.¹³⁹

d. Falsafah.

Fahaman yang mempercayai kesatuan Tuhan dengan makhluk disebut Monisme atau Panteisme. Di kalangan umat Islam ia disebut *Wahdah al-Wujūd* (*Transcendent Unity Of Being*) yang bermakna ketunggalan segala atau disebut juga *wujūdiyyah*¹⁴⁰. Di antara pokok ajaran *Wahdah al-Wujūd* ialah mengenal diri yang (kononnya) terjadi daripada *Nūr Muḥammad* dan *Nūr Muḥammad* dari *Nūr Allah*¹⁴¹.

Fahaman *Wahdah al-Wujūd* telah dikemukakan oleh al-Jīlī dengan bilangan sebanyak 40 lapis, kemudian diringkaskan menjadi 7 sahaja. Di rantau Nusantara ini, ia dikenali sebagai Ilmu Martabat Tujuh atau Martabat Alam Tujuh.

Erti *Wahdah al-Wujūd* ialah Allah segala-galanya. ﴿لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ﴾ لا ditafsirkan sebagai ﴿لَا مُوْجُودٌ بِعْنَ إِلَّا اللَّهُ﴾ Tiada *mawjūd* (yang ada) yang sebenar melainkan Allah. Wujud yang lain selain dari-Nya ialah wujud *wahmī* dan khayalan semata-mata, pada hakikatnya tiada berwujud.¹⁴²

¹³⁸ *Ibid*, h. 36.

¹³⁹ Mustapha Muhammad al-Jiasi al-Ahmadi (1994), *Mengenal Diri dan Wali Allah*, cet. 27, Pustaka Aman Press, h. 64.

¹⁴⁰ H.O.K Rahmat S.H.(1983), *Pencemaran Akidah Di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 47.

¹⁴¹ Abdul Fatah Haron Ibrahim (1999), *Pengaruh Kebatinan Dalam Masyarakat Islam Di Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 16.

¹⁴² *Ibid*.

Menurut al-Jīlī, bahawa alam ini, atau ada selain Allah dengan Allah adalah seperti ombak dengan laut atau cahaya matahari dengan matahari, atau seperti anggota badan dengan badan, semuanya pada hakikatnya Allah belaka tetapi dalam bentuk *tajallī*. *Tajallī* ini satu tetapi berlapis-lapis.¹⁴³

Dinyatakan di sini secara ringkas 40 martabat yang dikemukakan oleh beliau, iaitu ;

1. Martabat *Dhat Ilahi* (*al-'Amā'* / *Ghā'ib Muqlaq*).
2. Martabat *al-Ahadīyyah* (*Wujūd Muqlaq*, iaitu *tajallī* pertama daripada *al-amā'* itu).
3. Martabat *al-Wahidiyyah*. Dari sinilah bermulanya ada banyak, dan di dalamnya lah lenyap dan lesap segala yang banyak.
4. Martabat *al-Ulūhiyyah*.
5. Martabat *al-Rahmāniyyah*.
6. Martabat *al-Rubūbiyyah*.
7. Martabat *al-Malikiyyah*.
8. Martabat segala nama dan segala sifat dan *Asmā' Nafsiyyah*.
9. Martabat nama-nama *al-Jalāliyyah*.
10. Martabat *al-Jamāliyyah*.
11. Martabat *al-Asmā' al-Fi'liyyah*.
12. Martabat *'Ālam al-Imkān* (*al-Haq wa al-Khalq*).
13. Martabat *al-'Aql al-Awwal* (Akal Pertama).
14. Martabat *al-Rūh al-A'zām* (Roh Agong).

¹⁴³ Al-Jīlī (t.t.), *Marātib al-Wujūd wa Haqīqah Kul Mawjūd*, Kaherah: Maktabah al-Jundi¹, h. 12-42.

15. Martabat *'Arasy*.
16. Martabat *al-Kursī*.
17. Martabat *'Ālam Arwāh*.
18. Martabat *al-Tabī'ah al-Mujarradah* (*nature abstract*).
19. Martabat *al-Hayūla* (benda pertama).
20. Martabat *al-Habā'* (dedebu).
21. Martabat *al-Jauhar al-Fard* (atom).
22. Martabat *al-Murakkabah* (susunan).
23. Martabat *al-Falak al-Atlas* (cakerawala Atlas).
24. Martabat cakerawala *al-Jauzā'* (*Gemini*).
25. Martabat *Falak al-Aflāk*.
26. Martabat langit Zuhal (*Saturn*).
27. Martabat langit Musytari (*Jupiter*).
28. Martabat langit Marikh (*Mars*).
29. Martabat langit matahari.
30. Martabat langit Zuhrah (*Venus*.)
31. Martabat langit 'Utarid (*Mercury*).
32. Martabat langit bulan.
33. Martabat cakerawala *al-Athīr* (*ether*).
34. Martabat cakerawala *al-Ma'thūr*.
35. Martabat cakerawala *al-Musta'thīr*.
36. Martabat cakerawala *al-Muta'athīr*.
37. Martabat galian.
38. Martabat tumbuhan.

39. Martabat haiwan.

40. Martabat insan.

Menurut Ibn ‘Arabi¹⁴⁴, Allah, Maha Esa, *al-Haq* wujud Muṭlak Yang Zahir sejak azali dengan gambaran setiap *muta’ayyin* (makhluk) yang nyata. Alam ialah bayangan Allah, zat alam itu sendiri tidak ada tetapi ‘ayn dan *jauharnya qadim seqadim* Allah sendiri. Alam bukanlah dijadikan daripada tidak ada kepada ada tetapi *tajalli*¹⁴⁵ Allah yang berterusan dalam kepelbagaian wujud.¹⁴⁶

Golongan tasawuf *Wahdah al-Wujud* mengatakan kejadian alam semesta ini ialah proses *tanazzulat* (CZJ) yang bererti menurun. Istilah *tanazzulat* ertinya turunan lapisan tujuh itu iaitu proses *tajallī* (penjelmaan dan penampakan) Allah seperti berikut : *Aḥadiyyah*, *Wahidiyyah*, *‘Ālam Arwāh*, *‘Ālam Mithāl*, *Ajsām* dan *‘Ālam Insān*.¹⁴⁷

Wahdah al-Wujūd ini adalah satu aliran falsafah yang menyatakan Allah dengan alam. Aliran ini memperakui “satu ada” sahaja (*Wahdah al-Wujūd*) iaitu ada Allah, selain dari Allah hanya *‘arad*,¹⁴⁸ maka itulah alam. Ini disokong pula oleh Hamzah Fansuri dengan katanya “Alam ini *qā’im* dengan Allah hukumnya tiada berwujud”.¹⁴⁹ Idea *Wahdah al-Wujūd* ini ada yang berasal daripada

¹⁴⁴ Abū al-‘Ulā ‘Afīfi (t.t.), *Fuṣūṣ al-Ḥikam wa al-Ta’liqāt ‘Alaih*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, h. 42-43.

¹⁴⁵ al-Banjari, *op. cit.*, h. 28-32.

¹⁴⁶ Adanya tidak dengan bersendirian tetapi menumpang ada dengan ada yang lain seperti ada putih pada kertas.

¹⁴⁷ S.M.N. al-Attas (1970), *op. cit.*, h. 317.

kepercayaan agama yang tegak di atas asas segala-galanya ialah Allah belaka. Inilah Pegangan kaum Hindu Brahmin. Menurut mereka, Brahma itu hakikat wujud Maha Esa, manakala seluruh alam adalah lahir daripadaNya, sebagai penjelmaan Allah dan 'Arad-Nya. Xenophane, seorang ahli falsafah Greek abad 6 sebelum Masihi pernah berkata bahawa "Pada zaman purba, Tuhan Maha Esa itu tidak berubah dan tidak bergerak. Iktikad ini disokong oleh golongan stoics¹⁴⁸ yang menegaskan bahawa Tuhan dan alam adalah satu. Fahaman ini amat jelas sekali dalam ajaran Falsafah Neo-Platonisme¹⁴⁹ yang mula muncul di Iskandariah, Mesir pada tahun 200M (abad ke 3M) dan di kalangan ahli falsafah Kristian seperti Erigena, yang mendapat sokongan daripada tokoh-tokoh falsafah moden diketuai oleh Spinoza, Fichte dan Hegel. Seterusnya teori ini terdapat di kalangan ahli falsafah dan tasawuf Islam terutama Ibn 'Arabi dan Hallaj.¹⁵⁰

Ibn 'Arabi merupakan pengasas pengasas kesatuan dalam erti kata kognitif, kerana melalui penulisan beliaulah persoalan ini sampai ke kemuncaknya. Ini dapat dibuktikan apabila diteliti dua buah karyanya yang terkenal iaitu *Futūhāt Makkiyyah* dan *Fuṣūṣ al-Ḥikam*.¹⁵¹ Ibn 'Arabi mengatakan asal alam ini daripada *Nūr Muḥammad* atau *ta'ayyunāt; Aḥadiyyah, Wahdah* dan

¹⁴⁸ Satu aliran Falsafah yang dipelopori oleh Zeno di Athens Greek, 300 S.M.

¹⁴⁹ Neo Platonisme diasaskan oleh seorang pendita Yahudi bernama Philo Judaeus (20 S.M – 50 M) Membicarakan tentang ketuhanan yang menjadikan alam ini. Philo pula mengambil idea Plato (347 S.M.) Tentang asal kejadian alam ini di mana Philo berpendapat bahawa kejadian alam ini adalah satu limpahan daripada kebaikan tuhan (*a spilling over of Gods abundant goodness*). Konsep limpahan ini ada persamaan dengan teori limpahan (*al-fa'id*) atau *tajallī* Ibn 'Arabi. Philo mempunyai seorang murid bernama Ammonius Saccas yang melahirkan seorang tokoh bernama Plotinus (270 M). Falsafah Philo-Plotinus itulah yang dinamakan Neo-Platonisme. Lihat J.K. Feibleman (1973) *op. cit.*, h. 82.

¹⁵⁰ Abdul Fatah Haron Ibrahim (1999), Ahli Sunnah & Wujudiyah – Batiniyah *op.cit.*, h. 92.

¹⁵¹ Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī (1993), *Penyelamat Kerohanian Islam*. Daud Hamid dan Hanafi Mohd Nor (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 207-208.

Wahidiyyah.¹⁵² Di dalam kitab-kitabnya, Ibn ‘Arabi menggunakan istilah-istilah seperti *Muhammadiyah*, *Haqiqah Muhammadiyyah* atau *Nur Muhammad* yang mana kesemua istilah tersebut tidak dimaksudkan kepada Nabi Muhammad S.A.W., tetapi bermaksud penjelmaan Tuhan *al-Haq* dalam bentuk dan rupa yang paling sempurna. Dialah *Nur* pertama dan daripadaNya segala makhluk dijadikan.¹⁵³

Manakala dalam falsafah Neo-Platonisme, hakikat ketuhanan Plotinus menyatakan bahawa ia adalah limpahan dari cahayanya. Maka lahirlah akal pertama (*al-'aql al-awwal*), daripada akal pertama ini lahirlah jiwa universal (*al-nafs al-kulliyah*) yang memenuhi alam. Jadi, alam ini adalah limpahan cahaya Allah.¹⁵⁴

2.2. Sejarah Kelahiran Doktrin *Nur Muhammad*.

Nur Muhammad dikatakan berasal daripada tradisi Yahudi, Falsafah Greek kuno, Parsi dan Kristian. Ia dipercayai dibawa masuk ke dalam ajaran Islam melalui kumpulan *Syi'ah Bātiniyyah*.¹⁵⁵ Golongan *Syi'ah* percaya kepada kewujudan satu cahaya purba yang menjelma dalam diri setiap rasul sehingga sampai kepada *Imām - Imām* mereka.¹⁵⁶ Doktrin ini asalnya telah dibawa oleh ahli

¹⁵² Abdul Fatah Haron Ibrahim (1999) *op.cit.*,h. 113.

¹⁵³ *Ibid*, h. 139

¹⁵⁴ Feibleman (1973), *op.cit.*, h. 82

¹⁵⁵ W. Mohd Azam Mohd. Arpin (Jun 1996), “Pengaruh Bātiniyyah Ismā‘iliyyah Di Malaysia”, *Dakwah*, bil. 229, h. 21.

¹⁵⁶ Ensiklopedi Islam 4 (1994), *op. cit.* h. 46.

falsafah Greek bernama Heroclitus (578-480 SM) melalui falsafah metafizika yang dinamakan *logos*. Antara ajaran falsafah ini ialah bahawa alam ini dijadikan daripada cahaya.¹⁵⁷ *Logos* ini dikembangkan oleh Philo bersama muridnya Plotinus di dalam falsafah Neo-Platonisme melalui teori terbitan atau pancaran (*doctrine of emanation*).¹⁵⁸ Menurut Philo, Allah adalah Yang Maha Esa. Terbit (*emanation*) daripada Maha Esa ialah esa, tetapi dalam bentuk yang berlapis-lapis iaitu; *ideas*, *Logos* (keseluruhan idea), *Rūḥ al-Qudūs*, para malaikat, manusia dan akhir sekali benda.¹⁵⁹

Logos boleh disamakan dengan ‘*Universal Intellect*’, ‘*Prime Mover*’ (Penggerak Utama) dalam falsafah atau doktrin ‘*chi*’ dalam ajaran Cina Kuno (Shaolin) yang merupakan limpahan daripada kesempurnaan Tuhan. Daripada *Nūr Muḥammad* maka terbentuk dengan sendiri tujuh alam iaitu ‘*Ālam Jabarūt*, *Malakūt*, *Mithal*, *Arwāh*, *Ajsām*, *Barzakh* dan *Khulūd*.¹⁶⁰

Mengenai hakikat ketuhanan, Plotinus pernah menyatakan bahawa ia adalah limpahan daripada cahaya Tuhan yang melahirkan akal pertama (العقل الأول) kemudian daripada akal pertama lahir pula jiwa universal (النفس الكلبة) yang

¹⁵⁷ J. K. Feibleman, (1973), *Understanding Philosophy*, New York: Horizon Press, h. 46-47.

¹⁵⁸ Abd Majid Khatib (1989), *Serba Ringkas Berkanaan Kajian Tasawuf*, Pustaka Aman Press, h. 18.

¹⁵⁹ Abdul Fatah Haron Ibrahim (1999), *Ahli Sunnah dan Wujudiah – Batiniah*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. h. 162.

¹⁶⁰ Majallah Dakwah (Jun 1996), *op.cit*, h. 22.

memenuhi alam. Jadi alam ini adalah limpahan daripada limpahan cahaya Allah.¹⁶¹

Manakala teori yang dikatakan berasal dari Parsi pula lahir daripada konsep ‘cahaya’ menurut ajaran Zoroastrian (Zarathustra)¹⁶². Bahkan ada yang menganggap berasal daripada kedua-dua tradisi tersebut yang mengajarkan doktrin “*Primordial Light*” atau “*Primeval Light*” (cahaya yang *qadim*).¹⁶³

Bagi orang *Syi'ah*, “*Primordial Light*” itu memancar atau menitis kepada para *Imām* mereka yang bermula daripada Sayyidina ‘Alī bin Abī Ṭālib dan terus berlanjutan pada diri *Imām* - *Imām* mereka yang lain. Kesan daripada kehadiran cahaya yang *qadim* itu di dalam dirinya menjadikan *Imām* memiliki kemampuan untuk tidak melakukan dosa.¹⁶⁴

Seterusnya konsep cahaya yang *qadim* ini telah mempengaruhi golongan sufi sehingga melahirkan doktrin *Nūr Muḥammad*. Orang yang pertama dianggap telah memasukkannya ke dalam ajaran tasawuf ini ialah Sahl al-Tustarī (M.283H/896M).¹⁶⁵ Seterusnya doktrin ini telah dibawa oleh al-Ḥallāj bersama teori *al-*

¹⁶¹ Abdul Fatah Haron Ibrahim (1993), *Ajaran Sesat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, c. 1, Edisi 3 (Jawi), h. 15.

¹⁶² St. Clair Tisdall (1973), *The Sources of Islam*, New Delhi: Armarko Book Agency, h. 86-87.

¹⁶³ Fazlür Rahmān (1979), *Islam*, Chicago and London : Chicago Universiti Press, h. 174.

¹⁶⁴ Syed Husein Nasr (1981), *Islam dalam Cita dan Fakta*, Jakarta : LEPHENAS, h. 120

¹⁶⁵ Fazlür Rahmān, *op. cit.*, h. 142. dan 174.

Hulūlnya (Allah menempat). Teori ini nampaknya sama dengan teori Kristian mengenai Jesus yang mengatakan bahawa Allah menempat dalam diri Jesus.¹⁶⁶

2.3. Persoalan-Persoalan Utama Dalam Doktrin *Nūr Muḥammad*.

Antara perkara yang perlu dibincangkan di dalam membuat justifikasi terhadap doktrin *Nūr Muḥammad* ialah dengan mengupas persoalan-persoalan tentang kejadian makhluk pertama menurut al-Qur'an dan al-Hadith, Nabi Adam sebagai manusia pertama yang dijadikan Allah dan asal kejadian Nabi Adam daripada tanah.

2.3.1. Kejadian Makhluk Pertama Menurut Al-Qur'an Dan Al-Hadith

Dalam mencari kebenaran tentang asal penciptaan makhluk pertama yang dijadikan Allah, dua sumber utama dirujuk dalam ajaran Islam iaitu al-Qur'an dan hadith nabi yang sahih. Ini adalah bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan dan salah faham di kalangan masyarakat.

Para ulama telah membawa dalil-dalil yang jelas nyata dari al-Qur'an dan al-hadith tentang kejadian alam ini, antaranya ialah sebagaimana firman Allah S.W.T. :

¹⁶⁶ Abdul Fatah Haron (1998), *Martabat Tujuh*, *op.cit*, h. 20.

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى
الْمَاءِ

Maksudnya :

“Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa dan adalah ‘ArasyNya (sebelum itu) di atas air.”
Surah *Hūd* (11): 8.

Di dalam sebuah al-hadith, ada diriwayatkan :

كَانَ اللَّهُ وَلَمْ يَكُنْ شَيْءٌ غَيْرُهُ وَكَانَ عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ وَكَبَ فِي الدُّكْرِ كُلِّ
شَيْءٍ وَخَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ.

Maksudnya :

“Adalah Allah dan tidak ada sesuatu selainNya dan adalah ‘ArasyNya di atas air dan Dia tulis di dalam *al-zikr* (Luh Mahfuz) segala-galanya dan Dia jadikan langit dan bumi.”¹⁶⁷

‘ArasyNya di atas Air dan ‘Arasy adalah prinsip wujud alam ini. Kedua-duanya dijadikan sebelum kejadian langit dan bumi. Di bawah ‘Arasy tiada apa-apa selain air. Ini bukan bererti ‘Arasy terapung di atas air, sama seperti dikatakan langit di atas bumi. Ini bukan bererti langit terletak di atas bumi.¹⁶⁸

Imām Muslim ada meriwayatkan sebuah hadith berbunyi;

¹⁶⁷ Muhammad bin Ismā’īl Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī (2000), *Sahīḥ Bukhārī*. Kitāb Bad’ al-Khalq, Bāb Ma Ja’ a Fi Qaul Allah Ta’ala, no. hadith 3191, Beirut: Dar al-Fikr, j. 2, h. 301. *Al-Zikr* yang dimaksudkan di dalam hadith di atas ialah Luh Mahfuz, iaitu suatu bentuk makhluk yang agung dan besar sekali diantara segala yang diciptakan oleh Allah S.W.T.. Di situ dicatatlah segala yang ada di alam semesta ini serta segala apa yang ditakdirkan untuk masing-masing yang menjadi makhlukNya itu. Jadi bolehlah ditegaskan bahawa Luh Mahfuz adalah merupakan ilmu Allah S.W.T. yang berhubungan dengan segala sesuatu yang *mawjūd* ini, baik yang secara keseluruhan atau bahagian-bahagiannya, baik yang kecil ataupun yang besar. Lihat Sayyid Sābiq (1992), *op.cit.*, h. 48.

¹⁶⁸ Sayid Sabiq (1992), *Ibid*. Lihat juga Abdul Fatah Haron Ibrahim (1999), Ahli Sunnah dan Wujudiah – Batiniah, *op. cit.*, h. 112.

كتب الله مقدادير الخلائق قبل أن يخلق السموات والأرض بخمسين ألف سنة ، قال : وعرشه على الماء .

Maksudnya:

“ Sesungguhnya Allah telah menulis takdir sekalian makhluk sebelum Ia mencipta langit dan bumi selama 50,000 tahun. Ketika itu ‘ArasyNya telahpun berada di atas air.”¹⁶⁹

Sepanjang abad, manusia tidak puas-puas meneroka angkasa lepas dengan pelbagai cara dan andaian dan akhirnya membuat kesimpulan bahawa planet bumi ini adalah unik dengan ada kehidupan kerana ada air. Sedangkan dalam masa yang sama terdapat berjuta-juta galaksi, bintang, planet dan komet di angkasa lepas yang tidak terdapat air. Anggapan ini dengan tiba-tiba berubah dengan penemuan dua planet yang besar. Pertama digelar 47 Ursae Majoris yang mana saiznya dua kali ganda lebih besar daripada Jupiter (Mustari) dan cahayanya 35 tahun dari bumi. Manakala yang kedua ialah 70 Virginis yang terletak di buruj (*constellation*) Virgo lebih enam kali ganda besarnya daripada Jupiter. Dua planet ini menunjukkan tanda-tanda ada air yang menjadi syarat mutlak bagi kehidupan.¹⁷⁰ Allah S.W.T. berfirman:

وَاللّٰهُ خَلَقَ كُلَّ ذَبَّحٍ مِّنْ مَاءٍ

Maksudnya :

“Dan Allah menciptakan segala jenis haiwan dari air.”

Surah *al-Nur* (24) : 45.

¹⁶⁹ Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī (1995), *Šaḥīḥ Muslim Bi Syarḥ al-Nawawī*, Kitāb al-Qadr, Bāb Ḥujāj ‘Ādām wa Mūsā ‘Alaihimā al-Salām, no. hadith 2653, jil. 8. Kaherah: Dār Abī Hayyān, h. 452.

¹⁷⁰ Michael D. Lemonick (5 Februari 1996), “Searching For The Other Worlds”, *Majalah Time*, h.39.

Firman-Nya lagi :

وَجَعَلْنَا مِنَ الْقَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَتَّىٰ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ٢٧

Maksudnya :

“Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup. Maka mengapa mereka tidak mau beriman?.”

Surah *al-Anbiyā’* (17) : 30.

Al-Tirmidī dan Ahmād ibn Ḥanbal meriwayatkan sebuah hadith berbunyi:

إِنَّ أَوَّلَ مَا خَلَقَ اللَّهُ الْقَلْمَ ثُمَّ قَالَ لَهُ أَكْتُبْ فَجَرَى مِنْ تِلْكَ السَّاعَةِ
مِنْ هُوَ كَانَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Maksudnya :

“Sesungguhnya perkara yang pertama sekali dicipta oleh Allah ialah al-Qalam. Kemudian Allah bersuru kepadanya “Tulislah”. Maka mulalah ia menulis semenjak detik itu sehingga hari kiamat.”¹⁷¹

Memandangkan kepada zahir hadith-hadith tersebut bahawa ‘Arasy dari makhluk ‘Alawiyyah (*heavenly*) yang pertama dijadikan. Selepas dijadikan ‘Arasy dan air, maka Allah jadikan langit dan bumi. Menurut zahir hadith di atas bahawa makhluk *ma’awiyyah* (*abstract*, bukan benda) pertama dijadikan ialah al-Qalam.¹⁷² Manakala menurut al-Ḥāfiẓ ibn Ḥajar, di antara ‘Arasy dan air,

¹⁷¹ Hadith Hasan Ṣahīḥ riwayat al-Tirmidī dān Ahmād ibn Ḥanbāl daripada ‘Ubādah bin al-Ṣāmit. Lihat Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Syawrah al-Tirmidī (2001), *Sunan al-Tirmidī*, Kitāb al-Tafsīr, Bāb wa Min Sūrah Nūn, no. hadith 3330, jil. 5. Beirut : Dār al-Fikr, h. 212.

¹⁷² Sayid Sābiq (1992), *op.cit.*, h. 48.

maka air adalah makhluk yang diciptakan terdahulu daripada ‘Arasy. Kemudian barulah dijadikan ‘Arasy dan ditempatkan ‘Arasy tersebut di atas air. Selepas itu Allah menjadikan pula tujuh petala langit dan bumi. Manakala hadith berkenaan dengan awal kejadian adalah *al-'Aql*, merupakan hadith tidak sahik kerana tiada *thābit* dari sudut rawinya. Sementara hadith riwayat Tirmidhi di atas, menurut Ibn Hajar, awalnya kejadian al-Qalam adalah nisbi, iaitu kejadian yang awal selepas Allah menciptakan air dan ‘Arasy.¹⁷³

Kebanyakan ulama mengatakan terdahulunya *al-Qalam* itu dalam penciptaannya adalah merupakan “*awwaliyyah idāfiyyah*” atau terdahulu nisbi, sementara terdahulunya ‘Arasy dan air itu adalah “*awwaliyyah haqīqiyyah*” atau terdahulu sebenar.¹⁷⁴

Jelaslah di sini bahawa hadith-hadith *Nūr* dan hubungannya dengan permulaan kejadian alam adalah sebenarnya bukan dari hadith Nabi Muhammad S.A.W.¹⁷⁵

2.3.2. Nabi Adam Sebagai Manusia Pertama.

Manusia dalam erti kata yang sebenarnya belum wujud di dunia ini melainkan selepas Adam a.s. Sejarah permulaan manusia adalah bermula dari Adam a.s., meskipun terdapat para ahli fikir dunia mengatakan sebelum Adam

¹⁷³ Ibn Hajar (1986), *op.cit.*, jil. 6, h. 333-334.

¹⁷⁴ Muhammad Asri Yusoff (1997), “Menyingkap Rahsia di Sebalik Kejadian Nūr Muḥammad” (Kertas Kerja) h. 4

sudah pun terdapat sejarahnya, oleh itu tidak seharusnya Adam dianggap sebagai manusia yang pertama di dunia ini. Sementara itu, setengah golongan lain pula berpendapat bahawa manusia adalah berasal daripada beruk yang telah mengalami beberapa evolusi kehidupan hingga menjadi manusia.

Antara tokoh terkemuka yang mengutarakan teori ini ialah Charles Robert Darwin (1809 –1882), seorang pakar Geografi Inggeris yang berpendapat bahawa semua benda di alam ini adalah berasal daripada satu. Setelah mengalami berbagai proses dan evolusi maka ia beransur-ansur berpecah menjadi tumbuhan, logam, binatang dan lain-lain lagi. Dari satu evolusi kepada satu evolusi terjadilah beberapa binatang yang berbagai rupa dan kelakuan. Ada yang menjadi singa, harimau, kambing, lembu dan kera (*Primitive Monkey / Primate*).¹⁷⁶ Dari binatang kera inilah ia beransur-ansur sempurna hingga menjadi manusia. Kesimpulannya, manusia adalah berasal daripada kera.¹⁷⁷ Teori Darwin ini kemudiannya disokong oleh Thomas Henry Huxley (1825-1895), seorang *anatomist* dan *physical anthropologist*, di dalam bukunya yang bertajuk “Evidence as To Man's Place in Nature” (1963).¹⁷⁸

Bagaimanapun, pendapat Darwin ini ditentang oleh ahli-ahli bijak pandai, di antaranya Sir Ambrose Fleming seorang pakar elektronik bangsa Inggeris, yang menegaskan bahawa kiranya benar pendapat itu (merujuk kepada teori evolusi),

¹⁷⁵ *Ibid*. Lihat juga Sayid Sabiq (1992), *op.cit*, h. 48.

¹⁷⁶ Human Prehistory : An Exhibition, <http://users.hol.gr/~dilos/prehis/prerm2.htm>, 22 Mei 2002.

¹⁷⁷ Charles Robert Darwin, The Descent of Man And Selection In Relation To Sex, <http://www.zoo.uib.no/classics/descent.html>, 22 Mei 2002.

¹⁷⁸ Human Prehistory : An Exhibition, *op.cit*.

kenapakah manusia setelah mengalami beberapa proses evolusi dalam hidupnya kian bertambah maju sedangkan monyet atau kera tetap juga dalam statusnya yang asal, tidak pernah berubah atau sebaliknya. Tambah beliau, jika ditinjau dari sudut antropologi ternyata bahawa kejadian manusia adalah berbeza dari kera atau monyet bahkan ianya adalah terjadi secara berasingan. Beliau merumuskan bahawa manusia ini bukan berasal dari monyet.¹⁷⁹ Teori *nature* ini juga ditentang oleh Edward Harenman seorang ahli falsafah Jerman, Profesor Von Bayer juga bangsa Jerman dan Ustaz Mohammad Farid Wajdi seorang pemikir Islam dari Mesir.¹⁸⁰

Manakala perbincangan mengenai penciptaan manusia pertama pula, telah pun dijelaskan oleh Allah S.W.T. dalam beberapa firman-Nya.

Firman Allah S.W.T.:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maksudnya :

“Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”

Surah *al-Baqarah* (2):30.

Seluruh ahli tafsir dan ulama Islam bersepakat bahawa yang dimaksudkan dengan khalifah dalam ayat di atas ialah Nabi Adam a.s. Manakala di dalam

¹⁷⁹ Mohd. Ali bin Abu Bakar (1991), *Kejadian Manusia dan Perjuangan Hidup*, Pustaka Aman Press, cet. 2, h. 37-38.

¹⁸⁰ Untuk keterangan lanjut perbahasan ini, sila rujuk Sayid Säbiq (1992), *op.cit.*, h. 38 dan 39.

hadith-hadith sahih pula juga jelas disebut bahawa Adam sebagai bapa kepada manusia dan ia dijadikan daripada tanah. Sabda Rasulullah S.A.W. :¹⁸¹

احتَجَّ آدُمْ وَمُوسَى عَنِيهِمَا السَّلَامُ فَقَالَ مُوسَى يَا آدُمْ أَلْتَ أَبُوكَ خَيْرَتِنَا
وَأَخْرَجْنَا مِنَ الْجَنَّةِ

Maksudnya :

“Nabi Adam telah berhujah dengan Nabi Musa. Nabi Musa berkata “wahai Adam, kamu adalah bapa kami, kamu mengecewakan kami dan kamu mengeluarkan kami dari syurga”

Dalam peristiwa *Mi'rāj* juga ada disebut bahawa Adam adalah bapa kepada segala manusia. Sabda Rasulullah S.A.W.¹⁸² :

لَمَّا خَلَصَتْ فَادِّيَّا فِيهَا آدُمْ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ فَقَالَ : هَذَا أَبُوكَ آدُمْ
فَسَلِّمْ عَلَيْهِ .

Maksudnya :

“Apabila aku memasukinya (ke langit dunia), aku dapati nabi Adam a.s. Malaikat Jibril berkata kepada ku “ Inilah bapa kamu” lalu akupun mengucapkan salam kepadanya...”

Daripada beberapa contoh hadith sahih yang dikemukakan di atas, ternyata bahawa Adam adalah bapa kepada manusia. Ini jelas terbukti dengan panggilan Musa kepada Adam “bapa kami” dan juga penegasan Jibril dalam peristiwa *Mi'rāj* bersama Nabi Muhammad S.A.W.

¹⁸¹ Al-Bukhārī (2000), *op.cit.*, j. 4, Kitāb al-Tawḥīd, Bāb Qawlih : Wa Kallarn Mūsā Taklīmā, no hadith 7515, h. 442.

¹⁸² Al-Bukhārī (2000), *op.cit.*, Jil. 2, Kitāb Manāqib al-Anṣār, Bāb al-Mi'rāj, no. hadith 3887, h. 464.

2.3.3. Kejadian Adam Daripada Tanah

Di dalam al-Qur'an al-Karim terdapat 25 tempat yang menyatakan bahawa Adam dijadikan daripada tanah. Di antaranya dalam surah *al-Baqarah*, *Al 'Imrān*, *al-Mā'idah*, *al-A'rāf*, *Yāsin* dan lain-lain lagi.¹⁸³ Firman Allah :

الَّذِي أَحْسَنَ كُلَّ شَيْءٍ خَالِقٌ وَبَدَا خَلْقَ الْإِنْسَانِ مِنْ طِينٍ ﴿٧﴾

Maksudnya :

"(Allah) Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaiknya dan dimuiakan kejadian manusia berasal dari tanah. Kemudian dia menjadikan keturunannya itu daripada air (saripati) yang hina."

Surah *al-Sajdah* (32): 7 dan 8.

Dalam ayat ini diterangkan dengan jelas bahawa manusia yang mula-mula sekali dijadikan daripada tanah, kemudian keturunannya itu barulah dijadikan daripada air mani yang hina. Iblis pernah berdialog dengan Tuhan berhubung perintah Allah kepadanya supaya sujud kepada Adam, yang menyebabkan iblis menjadi kufur adalah kerana dia merasakan tidak patut dia yang dijadikan daripada api untuk sujud kepada Adam yang dijadikan Allah daripada tanah.

¹⁸³ Muhammad Fu'ād. Abd al-Bāqī (1987), *op.cit.*

Firman-Nya :

قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَا تَسْجُدَ إِذْ أَمْرَتُكَ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ

نَارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ ﴿١٦﴾

Maksudnya :

“ Allah berfirman : apakah yang menghalangmu daripada sujud ketika aku perintahmu? Iblis menjawab: Aku lebih baik daripada Adam, Engkau jadikan aku daripada api, sedangkan dia, Engkau jadikan dari tanah .”

Surah *al-A'rāf* (8): 12.

Firman-Nya lagi;

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي خَالِقٌ بَشَرًا مِّنْ صَلْصَلٍ مِّنْ حَمَّا مَسْنُونٍ

﴿٢٩﴾ فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya :

“Dan (ingatlah peristiwa) ketika Tuhan berfirman kepada malaikat : “ Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. Kemudian apabila aku sempurnakan kejadiannya, serta aku tiupkan padanya ruh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadaKu ”

Surah *al-Hijr* (14): 28 – 29.

Dari ayat-ayat di atas ternyata bahawa Adam dijadikan daripada tanah, bukannya dari bekas-bekas yang sudah ada, kerana dengan jelas Allah menceritakan bagaimana proses kejadian Adam. Mula-mula dari tanah yang

kering, berasal dari lumpur yang hitam, lalu dibentuk menjadi lembaga manusia dan seterusnya ditiupkan roh ke dalamnya, kemudian jadilah Adam.¹⁸⁴

2.4. Kritikan Terhadap Doktrin *Nūr Muḥammad*

Melalui fakta-fakta yang telah lalu, ternyata bahawa Doktrin *Nūr* Muhammad adalah suatu fahaman yang lahir daripada suatu metodologi keilmuan yang meragukan samada di dalam bidang hadith, tafsir, akidah dan juga tasawuf itu sendiri. Ini dapat dibuktikan apabila melihat kepada tafsiran al-Qur'an khususnya yang menyebut tentang *Nūr*, mahupun ayat-ayat yang seumpama dengannya.

2.4.1. Tafsiran al-Qur'an.

Kaedah pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an dengan secara takwilan batin atau *dhawq* dikhuatiri memberi peluang kepada musuh-musuh Islam untuk menghancurkan Islam dengan cara yang halus tanpa disedari. Dengan menggunakan metode ini, sesiapa sahaja boleh menafsirkan al-Qur'an sesuka hati dengan alasan *dhawq*, lintasan hati ataupun pengalaman kerohanian yang tinggi. Perkara ini adalah bersalah dengan metode penafsiran al-Qur'an yang muktabar, sebagaimana yang dilakukan oleh ulama-ulama *mufassirin*. Menurut Muhammad Hussain al-Dhahabi :

"Dan golongan Tasawuf (di dalam tafsiran mereka) cenderung kepada cerita-cerita "Tarthib" dan "Targhib", mengeluarkan makna-makna "Isyārat" daripada al-Qur'an yang dirasakan sesuai dengan kehendak

¹⁸⁴ Mohd Ali bin Abu Bakar (1991), *op. cit.*, h. 42

mereka, yang juga bersesuaian dengan latihan-latihan kerohanian dan *wujdān* mereka seperti Ibn ‘Arabī dan Abū ‘Abd Allāh al-Silmi.¹⁸⁵

Di antara ayat-ayat al-Qur'an yang sering dijadikan sandaran dan hujjah kepada pendokong doktrin *Nūr Muḥammad* ialah :

Ayat Pertama :

*اللَّهُ نُورٌ أَلْسُنُوتٍ وَالْأَرْضِ

Maksudnya :

Allah adalah cahaya langit dan bumi.

Surah *Nūr* (24) : 35.

Ayat Kedua :

قَدْ جَاءَكُم مِّنَ الَّلَّهِ نُورٌ وَكَتَبَتْ مُبِينٌ

Maksudnya :

Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah dan sebuah Kitab (al-Qur'an) yang jelas nyata kebenarannya.

Surah al-Mā'idah (5) : 15.

Ayat Ketiga :

وَإِذَا أَخَذْنَا مِنَ النَّيْتَعَنِ مِيشَقَهُمْ وَمِنْكَ وَمِنْ نُوْجٍ وَإِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى
وَعِيسَى أَبْنَ مَرْيَمَ وَأَخَذْنَا مِنْهُمْ مِيقَاتًا غَلِيلًا



¹⁸⁵ Muhammad Ḥussain al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, c. 2. Kaherah: Dār ‘Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 148.

Maksudnya :

Dan ingatlah tatkala Kami mengambil dari Nabi-Nabi (umumnya) akan perjanjian setia mereka dan (khasnya) dari engkau sendiri (wahai Muhammad), dan dari Nabi Nuh, dan Nabi Ibrahim, dan Nabi Musa, dan Nabi Isa ibn Maryam; dan kami telah mengambil dari mereka perjanjian setia yang teguh (bgi menyempurnakan apa yang ditugaskan kepada mereka).

Surah *al-Ahzāb* (33) : 7

Beberapa potongan ayat-ayat al-Qur'an yang telah disebut di atas ini sebenarnya tidak ada satupun ayat yang menyatakan tentang kejadian Nabi Muhammad daripada *Nūr*, mahupun *Nūr* Allah. Sebilangan besar para *mufassirin* yang *mu'tabar*, seperti Fakhr al-Rāzī, Ibn Jarīr al-Tabarī, al-Ṭabāṭabā'ī dan al-Qurtubī, apabila mentafsirkan ayat 15 surah *al-Mā'idah*, mereka menyatakan bahawa *Nūr* yang dimaksudkan di sini ialah sama ada Nabi Muhammad, Islam¹⁸⁶ ataupun al-Qur'an.¹⁸⁷ Yang dimaksudkan dengan *Nūr* disini ialah Nabi Muhammad pembawa cahaya kebenaran dari Allah, yang menzahirkan agama Islam dan menghilangkan segala bentuk syirik.¹⁸⁸

Manakala maksud *Nūr* pada ayat 35 surah *Nūr* ialah hidayah ataupun petunjuk. Makna ayat tersebut menurut Ibn Abbas, memberi pengertian bahawa Allah yang memberi hidayah kepada penduduk di langit dan di bumi.¹⁸⁹

¹⁸⁶ Lihat Abū 'Abd Allāh Muhammād bin 'Umar bin al-Ḥusain bin al-Ḥasan bin 'Alī al-Tamīmī al-Bakrī al-Ṭabāṭabā'ī al-Rāzī (Fakhr al-Rāzī)(t.t), *al-Tafsīr al-Kabīr*, jil.6, c. 3. Beirut : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 189. Al-Qurtubi (1988), *op.cit.*, jil. 6, h. 79.

¹⁸⁷ Al-Ṭabāṭabā'ī, *op.cit.*, jil 6, h. 249.

¹⁸⁸ Abī Ja'far Muhammād bin Jarīr al-Tabarī, *al-Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, jil.4, Kaherah : Dār al-Fikr, h. 220.

¹⁸⁹ *Ibid.*, jil. 17, h.180. Fakhr al-Rāzī, *op.cit.*, jil. 12, h. 224.

Manakala maksud *mithāq* pada ayat 7 dalam surah *al-Ahzāb* ialah perjanjian setia dari kalangan nabi-nabi dengan Allah S.W.T. bahawa mereka akan menyampaikan risalah Allah, saling membentarkan di antara satu sama lain serta saling percaya mempercayai antara mereka.¹⁹⁰ Menurut Ibn Kathir, ayat ini menjelaskan bahawa Allah S.W.T. telah mengambil perjanjian setia dari kalangan para nabi untuk menegakkan agama Allah, menyampaikan risalah-Nya, seterusnya bersama-sama saling bantu membantu dan sepakat di kalangan mereka,¹⁹¹ sebagaimana firman Allah :

وَإِذْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ النَّبِيِّنَ لِمَا عَاتَيْتُكُمْ مِنْ كِتَابٍ وَحِكْمَةٍ ثُمَّ
جَاءَكُمْ رَسُولٌ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَكُمْ لَشُؤْمِنْ بِهِ وَلَتَنْصُرُنَّهُ وَقَالَ
إِنَّمَا أَنْهَاكُمْ أَفْرَارُكُمْ إِصْرِي قَالُوا أَفْرَرْنَا فَالْفَاسِدُونَ وَأَنَا
مَعَكُمْ مِنَ الشَّهِيدِينَ



Maksudnya :

Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia dari nabi-nabi (dengan firman-Nya) “Sesungguhnya apa jua Kitab dan Hikmah yang Aku berikan kepada kamu, kemudian datang pula kepada kamu seorang rasul yang mengesahkan apa yang ada pada kamu, hendaklah kamu beriman sungguh-sungguh kepadanya, dan hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolongnya.” Allah berfirman lagi (bertanya kepada mereka): “ Sudahkah kamu mengakui dan sudahkah kamu menerima akan ikatan janjiKu secara yang demikian itu” ? Mereka menjawab : “Kami berikrar (mengakui dan menerimanya).” Allah berfirman lagi : “ Jika demikian, maka saksikanlah kamu, dan Aku juga menjadi saksi bersama-sama kamu.”

Surah *Al-'Imrān* (3) : 81.

¹⁹⁰ Ibn Jarir al-Tabari, *op.cit.*, jil. 11, h. 151. Lihat juga al-Tabāṭabā'i, *op.cit.*, jil. 16, h. 284.

¹⁹¹ Abū al-Fidā' Ismā'il bin Kathir al-Qurasyī al-Damsyīqī (t.t.), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*, jil. 3, Beirut: Dār al-Qalam, h. 401.

Kemudian Ibn Kathir membawa sebuah hadith yang diriwayatkan melalui Ibn Abi Hātim bahawa Rasulullah bersabda :

كَنْتُ أَوَّلَ النَّبِيِّينَ فِي الْخَلْقِ وَآخِرَهُمْ فِي الْبَعْثِ، فَبِدَا يَقِيلُهُمْ .

Maksudnya :

Adalah aku yang pertama-tama dari kalangan nabi yang dijadikan, dan yang terakhir sekali dari kalangan mereka yang diutuskan, maka (sebab itulah) Allah memulakan sebutan (di dalam ayat di atas) denganku.¹⁹²

Jelaslah di sini melalui beberapa buah kitab tafsir yang telah disebutkan di atas bahawa perkataan *Nūr* yang disebutkan di dalam al-Qur'an sebenarnya tidak merujuk kepada kejadian Nabi Muhammad yang dikatakan dijadikan daripada *Nūr*.

Di dalam keghairahan golongan sufi untuk sampai kepada *maqām* makrifat dan hakikat, mereka lalu mencipta teori-teori makrifat untuk sampai kepada suatu *maqām* yang paling tinggi di sisi Tuhan mereka. Lalu mereka lupa atau tenggelam oleh keasyikan bersama Tuhan mereka. Ini dapat diteliti menerusi kata-kata Syeikh Muhammad Samman ;

“...Setiap makhluk tersebut mempunyai Hakikat Muhammad dan yang paling tinggi dan paling tenang dimiliki oleh manusia sehingga mereka mampu mencapai pengalaman kerohanian yang tinggi seperti bertemu dan bersatu dengan Tuhan ...¹⁹³

¹⁹² Menurut Ibn Kathir, salah seorang periyat hadith tersebut bernama Sa'īd Ibn Basyīr adalah dihukumkan sebagai *da'if*. *Ibid.*

¹⁹³ Purwa Ahmad Purwadaksi (1996), “Ratib Samman dan Hikayat Syeikh Muhammad Samman”, *'Ulūm al-Qur'ān*, No.5, Vol. VI, h. 74.

Sesungguhnya manusia tidak mungkin dapat bersatu dengan Allah Yang Maha Tinggi. Tidak mungkin dapat bersatu antara Yang Menjadikan (*Khāliq*) dengan yang dijadikan (*Makhlūq*).

Begitu juga penggunaan hadith-hadith *da'iif* dalam persoalan aqidah yang mana ulama telah menetapkan tidak boleh dijadikan hujah dalam apa keadaan sekalipun. Menurut al-Nawawi dan Ibn Ḥajar, hadith-hadith *da'iif* hanya boleh digunakan di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan cerita dan pengajaran atau nasihat sahaja. Manakala di dalam *fadā'il a'māl*, ia bergantung kepada beberapa syarat yang tertentu dan ia tidak boleh digunakan di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan akidah dan hukum. Al-Bukhari dan Muslim pula berpendapat bahawa hadith *da'iif* tidak boleh digunakan untuk sebarang perkara walaupun untuk *fadā'il a'māl*.¹⁹⁴

2.5. Kesimpulan

Doktrin *Nūr Muḥammad* membawa kepada persoalan akidah yang menyentuh berkenaan ketuhanan dan kenabian (peribadi Nabi Muhammad S.A.W.) sama ada secara langsung ataupun tidak. Di dalam kitab-kitab akidah dan tauhid, bahagian ini disebut *ulūhiyyah*, *nubuwah* serta *sam'iyyah*. *Ulūhiyyah* membincangkan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan makrifat (mengenali) zat, sifat, nama dan *af'āl* Allah S.W.T. *Nūr Muḥammad* adalah termasuk di dalam perbincangan mengenai *af'āl* Allah. Manakala *nubuwah*

¹⁹⁴ Imām Nawawī,(1989), *Hadith 40*, Mustaffa Abdul Rahman, (Terjemahan dan suntingan), Dewan Pustaka Fajar, h. 25-26.

pula membincangkan persoalan-persoalan berkaitan mengenali para nabi yang diutuskan Allah termasuk sifat-sifat mereka yang wajib, harus dan mustahil, *mu'jizah*, *'ismah* (terpelihara daripada dosa) serta tugas-tugas mereka.¹⁹⁵ *Nūr Muḥammad* adalah termasuk dalam perbincangan mengenai pengenalan diri Nabi Muhammad S.A.W. Bahagian ketiga iaitu *sam'iyyah*, merupakan perbincangan mengenai kehidupan selepas kematian termasuk balasan dosa dan pahala, syurga dan neraka dan lain-lain-lainnya. Pada pengamatan penulis, bahagian ini tidak mempunyai sebarang kaitan dengan doktrin *Nūr Muḥammad*.

Kesemua bahagian akidah yang disebutkan di atas tadi adalah asas penting serta dasar utama dalam akidah Islam yang sejati. Menolak ataupun meragui mana-mana bahagian tersebut akan memberi kesan yang besar kepada akidah seseorang muslim. Atau dengan perkataan yang lain, seseorang itu boleh menjadi kufur sekiranya menolak ataupun meragui kebenaran mana-mana aspek tersebut. Namun suatu perkara yang amat penting ialah, kesemua bahagian akidah itu tidak dinyatakan melainkan disertakan dengan dalil-dalil daripada nas-nas al-Qur'an ataupun hadith-hadith yang terang, nyata serta *sahīh*. Walau bagaimanapun doktrin *Nūr Muḥammad* sebenarnya tidak mempunyai nas-nas yang jelas untuk dijadikan hujah dan pegangan.

Dari aspek yang lain, penulis merasakan bahawa golongan sufi mungkin terlupa untuk membuat kajian secara ilmiah dan jujur, asal-usul sumber pegangan

¹⁹⁵ Mubārak Ḥasan Ḥusin, Dr., Prof. (1995), *'Ilm al-Tawḥid fi Da'u'l al-'Aql wa al-Naql*, c. 2, Kaherah: Jāmi'ah al-Azhar, h. 592-596.

dan fahaman mereka. Ini ialah kerana sekiranya ajaran ini memang dari Rasulullah S.A.W., sudah tentu ia menjadi suatu maklumat yang diketahui umum di kalangan masyarakat Islam. Dalam Islam, tidak ada apa yang dikatakan sebagai ilmu tersembunyi atau *khusūṣi*. Rasulullah S.A.W. tidak pernah menyembunyikan apa-apa ilmu pun dari pengetahuan umatnya. Ini bertepatan pula dengan sifat *tabligh* yang wajib pada setiap rasul iaitu kesemua mereka diwajibkan oleh Allah menyampaikan dan menerangkan semua ajaran. Mustahil bagi para rasul bertindak menyembunyikan sebarang ajaran.

Setiap orang Islam wajib meyakini bahawa Rasulullah S.A.W. telah meninggalkan agama Islam yang lengkap dan sempurna. Agama ini tidak perlu ditokok tambah lagi dan tidak ada suatu apapun yang tertinggal dan tidak sempat disebut oleh baginda. Firman Allah :

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ
لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْتُمْ عَلَيْكُمْ بِغَمْرَاتٍ وَرَضِيَتِ لَكُمُ الْإِسْلَامُ دِينًا

Maksudnya :

“Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah redha akan Islam itu menjadi agama untuk kamu.”

Surah *al-Mā'ida*(5): 3

Kajian sejarah kemasukan Islam ke alam Melayu juga mesti difahami kerana ia ada hubungan dengan corak pegangan ataupun fahaman Islam sesuatu masyarakat. Ini kerana, penulis mendapati fahaman *Nūr Muḥammad* ini hanya

masyhur di Nusantara sahaja. Sebaliknya, di kalangan masyarakat dunia Arab, persoalan ini tidak begitu diperbincangkan. Pasti ada sebab tertentu mengapa perbezaan ini ketara berlaku.

Berdasarkan penghuraian yang telah diberikan, ternyata bahawa fahaman *Nūr Muḥammad* adalah menyimpang daripada asas ajaran Islam yang sebenar. Tiada suatu pun ayat al-Quran yang menyentuh mengenainya malahan Rasulullah S.A.W. sendiri tidak pernah menyampaikan ajaran yang sebegini kalut dan bersimpang-siur. Apa yang dapat dikaitkan dengan doktrin ini hanyalah sejumlah teori ciptaan manusia dan dogma-dogma serta falsafah-falsafah yang telah ditolak oleh para ulama dan sarjana muslim yang berwibawa.